

**ASAL USUL TARIAN TRADISIONAL PELBAGAI BUDAYA
DI LUAR DAN DI SABAH**
***THE VARIOUS TRADITIONAL ORIGINS OF CULTURAL DANCE
OUTSIDE AND IN SABAH***

Sri Ningsih Sukirman

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
ningsih@ums.edu.my*

Tarikh Dihantar: 17 September 2020 / Tarikh Diterima: 21 November 2020

ABSTRAK

Setiap tarian tradisional di dunia ini mempunyai asal usulnya. Artikel ini bertujuan membuat sorotan literatur tentang asal usul tarian-tarian tradisional di luar dan di Sabah. Kajian perpustakaan dan laman sesawang telah dilakukan untuk mengumpul data daripada buku, makalah jurnal, makalah ensiklopedia dan penerbitan lain yang ada hubung kait dengan fokus sorotan literatur ini. Hasil sorotan literatur yang dilakukan mendapati asal usul tarian tradisional di luar Sabah hanya terhad kepada dua jenis asal usul sahaja, iaitu ritual dan pergerakan binatang. Kebanyakan tarian ritual di luar Sabah didapati bertujuan untuk permintaan hujan, kesuburan tanaman, penyembuhan penyakit dan upacara kematian. Selain asal usul tarian tradisional yang berkaitan dengan ritual, terdapat juga tarian tradisional yang berasal daripada pergerakan binatang seperti pergerakan kera, kijang dan unggas. Bagi asal usul tarian-tarian tradisional di Sabah pula, tarian ritual yang ditemui dalam sorotan literatur ini didapati bertujuan untuk penyembuhan penyakit, pemujaan semangat padi dan semangat *mengayau* serta menolak bala. Berkaitan pergerakan binatang, terdapat tarian tradisional di Sabah yang diilhami daripada pergerakan burung, khususnya burung layang-layang dan burung helang. Tiada pergerakan binatang lain yang ditemui. Tambahan pula, terdapat asal usul tarian tradisional di Sabah yang berasal daripada permainan tradisional orang tempatan. Asal usul sedemikian tidak ditemui dalam asal usul tarian tradisional di luar Sabah ketika sorotan literatur ini dilakukan. Kesimpulannya, terdapat tiga jenis asal usul tarian-tarian tradisional di Sabah telah ditemui dan dibincangkan dalam sorotan literatur ini, iaitu tarian-tarian tradisional yang berasal daripada ritual, pergerakan binatang dan permainan.

Kata kunci: Asal usul tarian tradisional, pelbagai budaya, ritual, pergerakan binatang, permainan.

ABSTRACT

Every traditional dance in the world has its own origin. This literature review aims to review the origin of the traditional dances outside Sabah and in Sabah. The search for books, journal articles, encyclopedia articles and other publications materials as the data of this literature review were done through library research and online search. In the review, it was found that all the dances outside Sabah were originated from either ritual or the movements of animals and birds. Majority of the ritual dances outside Sabah were associated with the purpose of praying for rain, plant fertility, healing for sickness and funeral. Besides ritual dances, the origin of other dances was associated with the movement of animals such as monkey, deer and birds. For the origin of the tradisional dances in Sabah, rituals dances found in this literature review conducted with the purpose of sickness healing, worshipping paddy spirits and spirits of head-hunting as well as repelling misfortune hapennings. Regarding movement of animals, there are traditional dances of Sabah originated from the movement of birds, especially swallow and eagle. None of the dances were originated from the movement of animals. In addition, there are dances in Sabah originated from the traditional games of the local people. Such origin of traditional dances was not found outside Sabah at the time of this literature review was conducted. In conclusion, three types of the origins of the tradisional dances of Sabah were identified and discussed in this literature review, namely ritual, movement of animals and the traditional games.

Keywords: *Origins of traditional dances, various cultures, ritual, animal movement, games.*

PENGENALAN

Pengkaji sejarah tarian dunia yang tersohor, iaitu Sachs (1937) mencatatkan bahawa kebanyakan penulis sejarah tarian di dunia ini tidak dapat menyebut tarikh yang tepat bagi asal usul sesebuah tarian. Jika kita ingin bertanyakan asal usul tarian, Rust (1969) berpendapat bahawa asal usul tarian boleh dijejak sehingga ke detik asal usul manusia sendiri. Cass (1993) pula, melaporkan bahawa tarian rakyat sudah muncul sejak zaman prasejarah. Begitu juga dengan Adshead-Landsale dan Layson (1994) yang melaporkan bahawa sejarah umum bagi sesebuah tarian berkait rapat dengan satu jangka masa yang panjang dan selalu bermula dengan spekulasi terhadap fungsi tarian pada zaman prasejarah. Hal ini sering ditemui dalam cerita mitos yang mengisahkan kepentingan fungsi tarian dalam kalangan masyarakat silam. Semua pengkaji tarian yang lepas secara terus terang mengemukakan permasalahan yang bakal dihadapi oleh seseorang pengkaji yang ingin mengkaji asal usul tarian tradisional.

Walaupun menjejaki asal usul sesebuah tarian tradisional adalah tugas yang sukar, kekangan ini tidak menghindari usaha ramai pengkaji tarian tradisional di dunia ini bagi menjejaki asal usul tarian tradisional kepunyaan etnik tertentu. Dari segi kepentingannya, Rochman (2009) dalam kajiannya merumuskan bahawa untuk memahami lebih mendalam tentang definisi seni tari, maka seseorang pengkaji harus menerokai sejarah penciptaan tarian terlebih dahulu. Jika diteliti, terdapat beberapa orang pengkaji sejarah tarian Barat dan Timur yang membincangkan sejarah tarian sejak dari tamadun awal manusia. Sachs (1937) sebagai contoh membincangkan sejarah tarian pelbagai bangsa di dunia. Dalam kajian Sachs (1963), mendapati bahawa tarian adalah salah satu bentuk seni yang tertua dan boleh dianggap sebagai ibu kepada bidang seni. Pada awal kebudayaan manusia, tarian ialah seni persembahan yang muncul sebelum bentuk seni atau ilmu pengetahuan lain muncul. Pernyataan Sachs (1963) ini turut dinyatakan oleh Peterson (1997), yang mengkaji antropologi tarian. FX Widaryanto (2007) yang menterjemahkan buku Peterson (1997) mengungkapkan bahawa tarian dianggap sebagai seni yang paling tua. Terdapat bukti tarian daripada lukisan tua yang berusia 9000 tahun, yang dijumpai di *Shelter Rock of Bhimbetka*, India serta lukisan pada makam yang berusia 3300-SM di Mesir, yang menggambarkan seorang penari (FX Widaryanto, 2007). Daripada catatan Sachs (1937) dan Peterson (1997), jelas bahawa tarian ialah satu jenis seni yang muncul sejak dari zaman purba lagi.

Sorotan literatur ini bertujuan meneliti asal usul tarian-tarian tradisional berasaskan kajian pengkaji-pengkaji lepas. Kajian lepas berkenaan asal usul tarian kepunyaan pelbagai suku dan bangsa, termasuk orang Melayu di merata tempat di dunia diteliti terlebih dahulu. Setelah asal usul tarian pelbagai bangsa dibincang, tumpuan khusus diberikan terhadap asal usul tarian-tarian tradisional di Sabah pula. Komen dan ulasan bakal diberikan terhadap bahagian-bahagian yang berkaitan.

Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya di Luar Sabah

Kebanyakan pakar tarian mendapati bahawa kehadiran tarian dalam kehidupan manusia awal adalah sebagai keperluan untuk pengendalian ritual (Turner, 1957). Ritual merupakan alat transformasi dalam sesebuah masyarakat. Setiap persembahan yang terdapat dalam ritual mengandungi unsur-unsur simbolik. Dalam proses pembentukan peraturan sosial, setiap perlakuan atau persembahan ritual hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, perlakuan yang terdapat dalam persembahan ritual merupakan simbol dalam proses penyatuan untuk orang yang memohon kuasa (merujuk kepada manusia), dan yang memberi kuasa (merujuk kepada kuasa luar biasa atau kuasa ghaib).

Banyak kajian mendapati asal usul tarian berkait dengan aktiviti ritual manusia (Turner, 1957 dan Djamari, 1996). Pengkaji mendapati kehadiran tarian dalam kehidupan manusia awal adalah sebagai keperluan ritual untuk fungsi penyembuhan penyakit, tolak bala, semangat padi dan upacara lain. Dalam konteks di Malaysia, Siti Zainon Ismail (1980) dan Mohd Ghouse (1994) memberikan penjelasan yang kukuh dalam beberapa tarian rakyat Melayu yang bersifat ritual. Antara contoh tarian Melayu yang berkait dengan ritual ialah tarian Kuda Kepang, Makyong, Bubu, Dabus dan pelbagai lagi tarian ritual. Dalam kajian Djamari (1996) sebagai contoh, asal usul tarian dikaitkan dengan ritual. Ritual dapat ditinjau dari segi cara dan tujuan. Ada ritual yang bertujuan untuk bersyukur kepada Tuhan, mengingatkan diri kepada Tuhan agar mendapatkan keselamatan dan rahmat, memohon ampun atas kesalahan yang dilakukan dan ritual perkahwinan serta kematian.

Sach (1963) dalam kajiannya mencatatkan bahawa persembahan tarian dapat diketahui daripada latar belakang tarian, bentuk ragam gerak tarian serta bentuk kekuatan *supernatural* dalam tarian ritual. Pengkaji ini juga mencatatkan bahawa tarian mempunyai dua fungsi, iaitu bertujuan magis (ritual) dan sebagai tontonan (hiburan). Fungsi magis dimaksudkan untuk mempengaruhi keadaan dunia, manusia, serta lingkungannya seperti hujan, kesuburan, sakit, kematian, percintaan dan sebagainya (Sach, 1963). Tarian ritual adalah tarian yang ada hubung kait dengan kepercayaan terhadap semangat yang berada di luar tubuh manusia. Tarian jenis ini bertujuan untuk memberikan kesembuhan, justeru upacara tertentu perlu disediakan sebelum memulakan tarian tersebut. Menurut Sach (1965), tarian untuk menyembuhkan orang yang sakit biasanya ditarikan dalam bentuk bulatan. Tarian ini mempunyai hubungan dengan dunia ghaib dan dipercayai mendatangkan kesan yang baik. Pemimpin tarian atau penari terdiri daripada bomoh dan pengamal perubatan tradisional. Para bomoh atau pengamal perubatan ini mempunyai kemahiran menurun (*trance*) yang dapat meningkatkan kekuatannya secara ajaib. Ketua kumpulan penari dipercayai dapat melihat masa lalu dan masa depan. Tarian perubatan jenis ini mempunyai media ekspresinya yang dapat menyentuh pesakit secara langsung dan mengubati penyakitnya. Sayang sekali, Sach (1963) tidak memberikan contoh tarian perubatan secara spesifik. Dalam tulisan beberapa orang pengkaji, banyak tarian perubatan ritual di Indonesia ditarikan dalam bentuk bulatan. Contohnya tarian Kecak di Bali (Sumiati & Lasmery, 2018) dan tarian Sintren di Jawa tengah (Fatmawati & Veronica, 2015).

Di India, terdapat banyak tarian ritual klasik yang ditarikan di kuil Hindu. Menurut Eldridge (www.britannica.com/list/6-classical-dances-of-india), asal usul tarian Bharatanatyam di Tamil Nadu, selatan India sebagai contoh boleh dijejak sehingga ke kitab *Natyashastra* yang ditulis oleh paderi Bharata. Tarian yang dicipta oleh paderi ini dikenali sebagai Bharatanatyam dan pada asalnya ialah tarian kuil untuk wanita. Bharatanatyam sering digunakan untuk mengungkapkannya kisah-kisah keagamaan dan pengabdian agama Hindu. Selain tarian Bharatanatyam, tarian-tarian lain seperti Kathakali, Kathak dan Kuchipudi adalah tarian ritual belaka.

Tarian Kathakali ialah suatu bentuk drama-tari ritual yang berasal dari Kerala, India Selatan pada akhir abad ke-16. Ia dipentaskan di istana dan kuil pada festival keagamaan. Kathakali dari epik Hindu yang mencatat kehidupan, cinta dan konflik dewa-dewa dan pahlawan mitologi India. Seterusnya, tarian Kathak di India adalah tarian ritual yang ditarikan di kuil Hindu. Pengasas tarian ini ialah Kathakas, iaitu seorang pencerita profesional. Persembahan Kathak terdiri daripada gabungan tarian, lagu dan drama. Lama-kelamaan tarian ini dipersembahkan di istana. Tarian klasik Kuchipudi, yang berasal dari Andhra Pradesh, India Selatan. Selain menari, penari Kuchipudi memerlukan bakat menyanyi. Unsur ritual dalam tarian ini amat tinggi, persembahan pembukaannya dimulakan dengan lagu dan tari, diikuti dengan penyiraman air suci, pembakaran dupa, serta doa kepada dewa-dewi (Eldridge, www.britannica.com/list/6-classical-dances-of-india).

Jika diteliti, terdapat banyak tarian di Asia juga berasal daripada ritual. Orang Indonesia sebagai contoh juga kaya dengan tarian-tarian tradisional yang berasal daripada ritual. Terdapat banyak tarian rakyat di Indonesia yang masih hidup di pelbagai daerah untuk kepentingan upacara-upacara ritual, contohnya tarian Sintren di Pekalongan, Jawa Tengah. Tarian Tayub di Blora, Jawa Tengah, tarian Sang Hyang di Bali, tarian Seblang di Banyuwangi Jawa Timur dan tarian-tarian Keraton Surakarta di Jawa Tengah dipersembahkan berdasarkan kepercayaan terhadap semangat ghaib (Mamik Suharti, 2013). Tarian ini menggunakan kekuatan ghaib dan supranatural dalam persembahannya. Penari-penari tarian upacara ini didapati dalam keadaan menurun ketika mereka menari. Setelah habis persembahan, terdapat pawang yang menyedarkan penari dalam keadaan menurun. Jelas di sini bahawa tarian Sintren ialah tarian ritual pada asalnya yang masih ditarikan sehingga masa ini.

Tarian *Lambangsih* ialah tarian ritual dalam upacara pernikahan adat Jawa. Tarian ini kali pertama diciptakan oleh Yosodipuro pada tahun 1973 atas permintaan keluarga besar istana Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia. Tarian ini buat kali pertamanya dipentaskan untuk upacara perkahwinan. Tarian ini mencerminkan makna simbolik kehidupan rumah tangga, dari proses manusia muda hingga memasuki gerbang rumah tangga dengan segala permasalahannya. Koreografi tarian *Lambangsih* muncul daripada permasalahan dalam rumah tangga untuk menuju keharmonian rumah tangga (Mohd. Hasan, 2007).

Tarian Kuda Kepang adalah tarian ritual yang tersohor di Jawa Timur. Tarian ini ada hubung kait dengan tarian yang berunsurkan mistik. Menurut Holt Claire, tarian Kuda Kepang ini mempunyai nama tersendiri mengikut sesuatu kawasan seperti di Jawa Timur yang dipanggil Djaran Kepang (Holt, 1967). Bagi masyarakat di Jawa Barat, tarian ini dikenali sebagai Kuda Lumping, hal ini disebabkan props kudanya diperbuat daripada kulit *lumping*. Bagi masyarakat di Jawa Barat pula, tarian ini dipanggil Ebleg, dan masyarakat di Yogyakarta pula memanggilnya sebagai Djatilan (Ria Hariyani, 2017; Mohd Kipli, 2009). Tarian Kuda Kepang juga popular dalam kalangan orang Jawa di Johor. Ketika menurun, penari akan melakukan pergerakan di luar kawalan seperti makan pecahan kaca dan mengupas buah kelapa tanpa menggunakan parang. Hanya terdapat pengetua atau pakar tarian yang boleh menyedarkan penari yang telah dirasuk roh di akhir persembahan. Perilaku penari kerasukan roh mempunyai persamaan dengan kuda yang liar (Mohd Kipli, 2009).

Ciri-ciri persamaan kedua-dua tarian Kuda Kepang ini menunjukkan Kuda kepang di Johor berasal dari Jawa Timur. Aspek ritual yang berbeza antara kedua-dua jenis Kuda Kepang ini ialah cara mengendalikan upacara dan sajian yang dihidangkan dalam upacara. Jumlah penari Kuda Kepang di Jawa Timur ialah tujuh orang hingga 20 orang. Jumlah penari Kuda Kepang Johor Sembilan hingga lima belas orang penari (Roslina, 2014). Persembahan tarian Kuda Kepang merupakan simbolik kepahlawanan masyarakat Jawa. Tarian Kuda Kepang Jawa Timur dipersembahkan khas untuk Dewi Sri, iaitu Dewi Kesuburan Padi. Upacara ini masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat Jawa Timur (Karami, 2011). Namun pada masa ini, persembahan Kuda Kepang di Johor telah diharamkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 18 Februari 2009. Persidangan ini telah diadakan bagi membincangkan hukum permainan Kuda Kepang dan diputuskan bahawa Kuda Kepang hanya ditarikan sebagai tarian biasa tanpa ritual supaya tidak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islamiah (Moh. Syazuwan, 2017).

Makyung, iaitu sejenis tari drama kepunyaan masyarakat Kelantan, Patani, Terengganu dan Sumatera (Kepulauan Riau), juga berkait dengan ritual (Mohd. Ghazali Abdullah, 2009). Persembahan Mak Yong di Malaysia menggunakan dialek Kelantan-Patani. Persembahannya bermula dengan tarian *Mengadap Rebab*, iaitu satu upacara dilakukan seorang bomoh untuk mengelakkan daripada gangguan makhluk halus ke atas pemain dan penonton. Tarian *Makyung* mempunyai unsur-unsur pemujaan yang mencerminkan masyarakat Melayu yang berpegang kepada kepercayaan animisme. Kepercayaan ini mengandungi unsur-unsur Hindu dan Islam (Azhar Ishak, 2017). Selain percaya kepada Allah, masyarakat Melayu juga percaya kepada makhluk ghaib, sama ada yang diakui dalam ajaran Islam atau yang diwarisi secara turun-temurun.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa banyak tarian di serata tempat di dunia ini berasal daripada ritual. Hal ini disebabkan tarian ritual berkait rapat dengan kepercayaan sesuatu masyarakat. Terdapat tarian ritual yang bertujuan untuk perubatan, mengelakkan daripada gangguan makhluk halus, mengharmonikan rumah tangga dan hal-hal pertanian seperti kesuburan tanaman padi. Terdapat sesetengah daripadanya seperti tarian *Kecak* di Bali, tarian Sintren di Jawa Tengah, tarian *Bubu Mangalai* di Beaufort masih mempunyai fungsi ritual sampailah ke masa ini, manakala tarian Kuda Kepang di Johor telah pun diharamkan.

Selain tarian yang berasal daripada ritual, kebanyakan asal usul tarian berasal daripada pergerakan haiwan (Sach, 1963). Dalam catatan Sach (1963), asal usul tarian dapat dijejak di daerah Roroima Guyana, British. Sumber ini melaporkan bahawa terdapat seorang yang bernama Appun telah melihat sekelompok ayam gunung yang berwarna jingga kekuningan (dalam lingkungan 20 ekor) berkumpul bersama-sama di satu tempat. Kelompok ayam ini menghasilkan semacam pergerakan indah yang menyerupai tarian. Pergerakan yang dimaksudkan adalah pada ketika ayam gunung itu melompat ke satu tempat sambil sayap dan kakinya terbuka. Kemudian, ayam gunung itu mendekati antara celah-celah pokok. Dari sanalah timbulnya rasa kekaguman salah seekor ayam gunung lalu menghasilkan bunyi yang aneh. Selepas ayam gunung itu habis berbunyi, ia bergabung dengan ayam yang lain. Appun menyaksikan kejadian ini bagaikan seorang penonton. Pergerakan ayam gunung ini dijadikan inspirasi kepada Appun sebagai ragam gerak asas tarian. Sebagai perbandingan dapatan kajian Sach (1963) ini, pengkaji mendapati banyak tarian tradisional di Sabah seperti ragam gerak tarian *Sumazau* Penampang yang menyerupai burung layang-layang (Noor Aini Dani, 1999), ragam gerak tarian *Pinakang* etnik Kimaragang yang menyerupai helang (Pangayan, 2012), dan ragam gerak kaki berinsut-insut

dalam tarian *Sumazau Paina* etnik Kadazan di Membakut, yang menyerupai burung helang (Sri Ningsih & Low, 2013), kedua-dua tangan dibuka ke samping kanan dan kiri dalam tarian *Panangsang* menyerupai pergerakan burung helang (Yeon Amsali *et al.*, 2017).

Di Cape York, Australia turut mempunyai asal usul tarian yang hampir sama dengan kisah di atas. Di sini, terdapat seorang yang bernama Maclaren telah menyaksikan aksi burung-burung panggung. Burung ini berkaki panjang, tinggi seperti bangau dan bulunya berwarna putih-kelabu. Burung jenis ini sering melakukan pergerakan menyerupai tarian di tengah tasik yang sudah kering, sebab di sana ialah tempat burung panggung bersembunyi. Maclaren dan kawan-kawannya menyaksikan pergerakan burung-burung ini dalam lingkungan sekitar ratusan ekor, yang berpola lantai segi empat. Burung tersebut melangkah selangkah demi selangkah, ada yang di paras tinggi dan sesetengahnya di paras rendah. Kadang-kadang, terdapat burung panggung yang melompat secara luar biasa dengan leher panjangnya diangkat ke atas sambil melambai-lambaikan punggungnya kelihatan seperti ombak yang bergoyang-goyang (Sach, 1963). Demikianlah asal usul tarian yang menyerupai pergerakan burung.

Seterusnya, Sach (1963) juga melaporkan bahawa terdapat seorang yang bernama Kohler dari Prusia sedang memerhatikan seekor kera betina yang pada suatu ketika melakukan pergerakan yang tidak terduga. Dimulai dengan lompatan yang pertama, kera betina melompat ke sisi lain, dengan cara yang luar biasa dan bersemangat. Kohler memerhatikan kera betina tersebut melompat dengan menggunakan satu kaki dengan satu kaki yang lain. Ketika kera betina ini melihat ada orang datang (penduduk asli Prusia), maka ia melompat dengan pergerakan yang berlebihan. Kemudian, Kohler mengamati dengan lebih lanjut, pergerakan kera betina menjadi lebih laju dengan menggunakan tangan yang terkeluar secara melintang. Kemudian, pergerakan kera betina itu dicantumkan dengan cara berputar dengan pergerakan maju melintasi tanah lapang. Sach (1963) berpendapat bahawa dari sinilah menghasilkan pergerakan tarian membuat bulatan oleh manusia pada hari-hari terkemudian. Pergerakan kera betina ini dikatakan ditiru oleh penduduk di daerah Uruguay di Brazil, lalu terhasillah tarian dansa yang ditarikan dengan cara berputar dan berkeliling bersama-sama membentuk satu bulatan dengan melakukan pergerakan selang-seli.

Sach (1963) turut melaporkan kajian Nevertheless bahawa tarian rakyat di Nusantara seperti di Melaka, di daerah Kenta dan Redan-Kubu di Sumatera dan daerah Bateke di Sulawesi Utara, Indonesia. Tarian mereka didapati mengutamakan kehidupan sosialnya, iaitu cara bermain dengan menggunakan anak panah bersama

alat muzik yang tidak lengkap. Tarian-tarian mereka menonjolkan konsep rohani (spiritual) dalaman yang tinggi. Hal ini ada hubung kait dengan kajian asal usul tarian masyarakat etnik Andaman di daerah Vedda, Sri Lanka. Masyarakat primitif masih mengekalkan panah dan anak panah untuk sumber berburu. Oleh itu, pergerakan berburu ini diaplikasikan ke dalam bentuk pergerakan tarian mereka.

Tarian masyarakat etnik Andaman di India juga didapati akrab dengan pergerakan haiwan. Schmidt (Sach, 1963) melaporkan bahawa tarian tradisional etnik Andaman mencerminkan gaya dan perilaku pergerakan haiwan. Hal ini merupakan sejenis imitasi (peniruan). Sayangnya sekali, Schmit tidak menyatakan jenis tarian yang meniru pergerakan haiwan. Selain itu, Mono Tony yang mengkaji tarian tradisional masyarakat di Afrika melaporkan bahawa sebahagian besar daripada penduduk asal di situ suka menari. Oleh itu, asal ragam gerak tarian adalah berasaskan haiwan jua. Pergerakan tarian yang menyeronokkan dan berghairah merupakan sebahagian besar daripada tarian Negro dari negara Afrika. Hal ini juga terjadi di Asia, iaitu penduduk di banyak negara mencipta tarian mereka berdasarkan perilaku haiwan seperti angsa dan kijang (Sach, 1963). Etnik Jawa di Indonesia sebagai contoh mempunyai tarian Kijang, tarian Burung Cendrawasih, tarian Kupu-kupu (Ni Ketut Dewi Yulianti *et al.*, 2014); orang Melayu di Johor, Malaysia mempunyai tarian Kuda Kepang, etnik Iban di Sarawak memiliki tarian *Ngajat* (burung Kenyalang), dan etnik Kadazan mempunyai tarian Sumazau (burung layang-layang), etnik Kimaragang mempunyai tarian Pinakang (burung helang) serta etnik Kadazan Membakut mempunyai tarian *Sumazau Paina* (burung helang) (Ismail Abbas & Shaong, 1984; Low & Sri Ningsih, 2013).

Dalam konteks di Indonesia, masyarakat etnik Dayak Kenyah di Kalimantan Timur mempunyai tarian burung enggang. Tarian ini, yang ditarikan oleh perempuan sahaja menggambarkan perilaku burung. Menurut kepercayaan masyarakat etnik Dayak Kenyah, nenek moyang mereka berasal dari langit dan turun ke bumi yang menyerupai burung enggang. Oleh itu, masyarakat etnik Dayak Kenyah sangat menghormati burung enggang. Bulu-bulu burung enggang memegang peranan penting untuk upacara-upacara adat dan tarian-tarian adat. Paruh burung enggang digunakan sebagai lambang pemimpin perang masyarakat etnik Dayak di Kalimantan Timur. Corak bulu ekornya memiliki warna hitam dan putih digunakan sebagai pakaian adat Kalimantan, dan digunakan sebagai kostum dalam tarian ketika upacara adat dilakukan. Para penari adat menggunakan bulu enggang sebagai hiasan kepala dan jari-jari tangan. Burung ini menjadi lambang kesetiaan dan kerukunan. Burung enggang hidup berpasang-pasangan dan tidak dapat hidup tanpa pasangannya. Tarian ini masih dikekalkan oleh masyarakat etnik Dayak Kenyah di Kalimantan Timur, Indonesia (Anisa Fitriani, <http://annisafitriani09.blogspot.com>).

Di Jawa, terdapat tarian yang berasal daripada pergerakan kuda, yang dikenali sebagai *Djaran Kepang* atau Kuda Kepang (Holt, 1967). Kepang bererti bambu yang dianyam. Tarian ini dipersembahkan oleh penari lelaki yang menggunakan props yang berbentuk pipih menyerupai kuda, diperbuat daripada bambu dan dicat dengan warna kuda. Jumlah penarinya terdiri daripada empat, enam atau lapan orang. Ketika muzik iringan menjadi rancak, salah seorang penari akan mengalami keadaan menurun, sekali gus menjadi kemuncak persembahan tarian ini. Tarian ini ada hubung kait dengan hal-hal yang mistik. Ketika menurun, penari akan melakukan pergerakan yang di luar kawalan seperti makan pecahan kaca dan mengupas buah kelapa tanpa menggunakan alat. Hanya terdapat seorang pengetua ataupun pakar tarian yang boleh menyedarkan penari yang dipercayai sedang dirasuk roh di akhir persembahan. Perilaku penari yang kerasukan roh mempunyai persamaan dengan kuda yang liar (Mohd Kipli, 2009; Md. Dahlan Md. Yusuf, 1982). Sekali lagi, kita dapati asal usul tarian Kuda Kepang memperoleh inspirasi daripada pergerakan haiwan.

Tarian Kijang di Indonesia yang dikaji oleh Isna Rizkiana Sismiazizah dan I Dewa Alit Dwija Putra (2016) dan Nuryanto (2011) turut menggambarkan pergerakan haiwan. Kedua-dua orang pengkaji melaporkan bahawa persembahan tarian ini adalah berdasarkan pergerakan kijang yang lincah, cekap dan mempesonakan. Penari perempuan yang memakai topi di hujungnya mempunyai tanduk kijang buatan, mempersembahkan pergerakan tarian kijang yang disesuaikan dengan muzik gamelan yang rancak. Demikianlah beberapa contoh tarian tradisional di Indonesia yang berasaskan pergerakan burung dan binatang.

Berdasarkan perbincangan kajian pengkaji yang lepas di atas, dapat disimpulkan bahawa banyak tarian suku dan bangsa di dunia ini didapati sama ada berasal daripada unsur ritual atau pergerakan binatang. Ritual yang dikendalikan pada masa dahulu adalah disebabkan kepercayaan manusia terhadap semangat di alam ghaib. Jika berlakunya masalah dalam hidup seperti jatuh sakit atau tanaman tidak jadi, maka diadakan ritual untuk mententeramkan atau memujuk semangat. Ketua upacara yang mengendalikan ritual lumrahnya berada dalam keadaan menurun dan bergerak-gerak. Pergerakan sedemikianlah menjadi asal usul pelbagai jenis tarian suku dan bangsa di dunia ini. Dari segi asal usul tarian yang berasaskan pergerakan binatang pula, atas sebab terdapat manusia yang tertarik dengan sesetengah jenis pergerakan binatang seperti unggas, kera dan kijang. Maka, dari situlah mereka memperoleh ilham dan menghasilkan pelbagai jenis tarian. Hal seperti ini berlaku di seluruh dunia.

Asal Usul Tarian Tradisional Sabah

Sabah ialah salah sebuah negeri di Malaysia yang didiami oleh pelbagai etnik. Rumpun etnik peribumi Sabah terbesar dibahagikan kepada Dusunik, Murutik dan Paitanik (Dayu Sansalu, 2014). Setiap etnik ini memiliki tarian tradisional mereka sendiri dan sejarah serta asal usulnya. Jika diteliti, banyak tarian awal etnik peribumi di Sabah didapati berasal daripada ritual, pergerakan binatang dan permainan tradisional. Ismail Abbas dan Shaong (1984), Ismaily Bungsu (1995), Ismail Ibrahim dan Humin Jusilin (2009), Low dan Sri Ningsih (2009 dan 2013), Tang Sook Kuan (2012), Redzahuddin bin Duman (2018) dan Cheng Jia Min (2020) telah mengkaji tarian tradisional di Sabah yang asal usulnya berkait dengan ritual.

Menurut Ismail Abbas dan Shaong (1984) dan Tang Sook Kuan (2012) terdapat tiga fungsi ritual dalam tarian tradisional etnik peribumi Sabah, iaitu ritual penyembuh penyakit, ritual pemujaan semangat padi dan ritual tolak bala. Antara tarian dalam konteks ritual penyembuh penyakit ialah tarian *Sumayau* milik etnik Lotud di Tuaran (Ismail Abbas & Shaong, 1984; Tang Sook Kuan, 2012 dan Redzahuddin bin Duman, 2018). Tarian ini ditarikan dalam upacara menyembuhkan penyakit yang dikenali sebagai ritual *Rumaha* dan ritual *Mangahau*. Jika upacara penyembuhan penyakit melibatkan seluruh kampung, ritual *Rumaha* akan dikendalikan oleh seorang *momolian* (ketua pakar upacara) sahaja. Dengan kata lain, *momolian* seorang yang mempersembahkan tarian *Sumayau* dalam keadaan menurun untuk upacara penyembuhan penyakit untuk penduduk seluruh kampung yang dijangkiti penyakit (Ismail Abbas & Shaong, 1984).

Berdasarkan catatan Ismail Abbas dan Shaong (1984), dalam persembahan upacara penyembuh penyakit yang melibatkan banyak keluarga pula, upacara *Mangahau* akan dikendalikan. Dalam upacara ini, *momolian* akan dibantu oleh seorang *tantagas* (pembantu *momolian*), seorang *mainat* (pembantu *tantagas*), tujuh orang *monobus* (pembantu *mainat*) dan empat orang *mangilau* (pembantu *monobus*) untuk mengendalikan upacara. Peranan *momolian* dalam upacara ini adalah melafazkan *rinait* (puisi upacara), diikuti dengan tarian *Sumayau*. Tarian ini diiringi muzik daripada gendang, gong, canang dan *giring-giring* (sejenis loceng kecil yang dipegang di tangan). Sambil menari-nari, *rinait* terus dilafazkan oleh *momolian* sampailah seluruh upacara selesai. Kajian Tang Sook Kuan (2012) dan Redzahuddin bin Duman (2018) telah menyebut tentang ritual *Mangahau* namun tidak membincangkan ritual *Rumaha*.

Ritual pemujaan semangat padi dalam kalangan etnik peribumi di Sabah turut berkait dengan asal usul beberapa jenis tarian. Antara tarian yang berasal daripada ritual memuja semangat padi yang dibincangkan oleh Ismail Abbas dan Shaong (1984) ialah tarian *Mongigol* etnik Dusun di Ranau. *Bobolian* (pakar upacara) yang mengetuai upacara *mangasok* supaya benih padi yang disemai pada tahun berkenaan dapat tumbuh dengan subur sebagai contoh akan melafazkan *rinait* dan berada dalam keadaan menurun. Ketika dalam keadaan menurun, ia bergerak-gerak dengan gaya bagaikan orang yang sedang menari. Pada hari-hari terkemudian, gaya pergerakan ini telah diilhamkan oleh etnik Dusun di Ranau, lalu terhasillah tarian *Mongigol*, yang dipersembahkan pada masa ini. Tarian *Sumazau* Penampang, *Sazau* Papar dan *Sumazau Paina* Membakut juga didapati berkait dengan upacara ritual memuja semangat padi. Tulisan Noor Aina Dani (1989), Hanafi Hussin (2003) dan Low Kok On dan Sri Ningsih (2013) turut mencatatkan bahawa pakar upacara yang mengendalikan upacara memuja semangat padi telah berada dalam keadaan menurun dan bergerak-gerak bagaikan orang yang sedang menari. Pergerakan pakar upacara dalam keadaan yang menurun inilah telah diilhamkan oleh etnik Kadazan di Penampang, Papar dan Membakut, lalu menghasilkan tarian *Sumazau* Penampang, *Sazau* Papar dan *Sumazau Paina* Membakut yang ada pada hari ini. Demikianlah asal usul tarian *Mongigol*, *Sumazau* Penampang, *Sazau* Papar dan *Sumazau Paina* Membakut, yang berkait dengan upacara memuja semangat padi pada suatu ketika dahulu. Hal ini berkait rapat dengan penanam padi etnik peribumi di Sabah yang kaya dengan kepercayaan terhadap semangat padi. Pelbagai etnik dalam rumpun orang Kadazandusun sebagai contoh percaya terhadap *bambarayon* (semangat padi), yang dipercayai membantu mereka memperoleh tuaian padi yang lumayan (Low, 2006; Low & Lee 2012; Low, 2013). Kepercayaan terhadap pelbagai semangat, sama ada semangat baik atau semangat jahat memang adalah sebahagian daripada kepercayaan orang Kadazandusun turun-temurun (Low & Sanen, 2013).

Seterusnya, asal usul yang berkait dengan ritual tolak bala. Contoh tarian yang dimaksudkan ialah tarian *Mongigol-Sumundai* kepunyaan etnik Rungus. Pada asalnya, tarian *Mongigol-Sumundai* ialah dua jenis tarian yang berlainan, iaitu tarian *Mongigol* dan tarian *Sumundai*. *Mongigol* hanya ditarikan oleh penari lelaki sahaja, manakala *Sumundai* ditarikan oleh penari perempuan sahaja. Pada asalnya, kedua-dua tarian ini ditarikan dalam upacara memohon pengampunan daripada dewa-dewi supaya etnik Rungus terhindar daripada penyakit, kemalangan, tanaman yang tidak subur, kematian, banjir besar dan kemarau yang panjang. Dalam upacara ini, *bobolizan* (ketua upacara) akan menyampaikan permintaan dan menghidangkan sajian kepada semangat di alam ghaib sambil diiringi oleh tarian *Mongigol* atau *Sumundai*. Biasanya, tarian

Mongigol ditarikan oleh seorang penari lelaki sahaja, manakala tarian *Sumundai* ditarikan oleh dua orang atau lebih penari perempuan. Selain tarian *Mengigol Sumundai* etnik Rungus, terdapat juga tarian etnik Murut di Keningau (Ismail Abbas & Shaong, 1984).

Toh Min Min (2020) dalam kajiannya melaporkan bahawa Rutter (1992) mencatatkan persembahan *Lansaran* pada masa dahulu berkait dengan ritual *mengayau* etnik Murut di pedalaman Sabah. Tujuannya adalah untuk mempersembahkan *Lansaran*, iaitu untuk menyambut pahlawan yang telah memperoleh kepala musuh. Apabila pahlawan pulang ke rumah, mereka akan mula melafazkan *kukui* (puisi ritual) sambil berpusing-pusing di pentas lansaran. Kepala musuh yang didapati akan dibakar sehingga kering dan digantung di atas bumbung lansaran. Toh (2020) seterusnya mencatatkan bahawa persembahan *Lansaran* ialah tarian ritual. Persembahan *Lansaran* berkait rapat dengan pemujaan semangat kepala yang baharu dipancung oleh pahlawan Murut dalam aktiviti *mengayau*. Ritual yang dijalankan selepas aktiviti *mengayau* dikenali sebagai upacara *Kukui*. Upacara ini bertujuan untuk menghalau roh pemilik tengkorak yang diperoleh dan digantung di tiang bumbung lansaran, yang disebut sebagai *singkowoton* (tengkorak yang digantung). Dalam upacara *Kukui*, peserta *Lansaran* yang terlibat berkumpul di pentas lansaran dalam bentuk bulatan dan berpusing-pusing perlahan-lahan sambil mengengjut-engjut di atas pentas lansaran. Dalam penelitian penulis, sekali lagi didapati satu lagi pola lantai tarian ritual yang berbentuk bulatan. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, pola lantai tarian *Kecak* di Bali (Sumiati & Lasmery, 2018) dan tarian *Sintren* di Jawa tengah (Fatmawati & Veronica, 2015) adalah berbentuk bulatan. Tarian *Bubu Mangalai* kepunyaan etnik Bisaya di Sabah juga berbentuk bulatan (Musnin Misdi, 2013).

Terdapat satu lagi tarian etnik peribumi Sabah yang didapati berkait dengan ritual, iaitu tarian *Sumanggak* kepunyaan etnik Tombonuo di daerah Pitas, Sabah. Tarian ini dikaji oleh Cheng Jia Min (2016). Cheng (2016) melaporkan bahawa pada asalnya tarian ini berkait rapat dengan upacara *Muinsamung* untuk menyambut kepulauan pahlawan yang menyambut kepulauan pahlawan yang berjaya membawa kepala musuh daripada aktiviti *mengayau*. Sejak zaman penjajahan British (pada akhir kurun ke-19), persembahan ini dilakukan dalam upacara kematian etnik Tombonuo. Konsep ritual ini berkait dengan upacara *Monginsamung*. Semua ritual etnik Tombonuo dikendalikan oleh *bobolian* (pakar upacara). Upacara *Muinsamung* adalah lambang pemartabatan *pogkosog* (pahlawan *mengayau*) mereka. Sebagai perbandingan, upacara *monginsamung* pula berperanan sebagai lambang penghormatan terakhir kepada si mati dari kalangan masyarakat kebanyakan etnik Tombonuo sahaja. Dalam usaha melawan

semangat jahat, sambil melafazkan *rinait* (puisi upacara), mereka menarikan tarian *Sumanggak* secara beramai-ramai. Semenjak itu, *bolian-bolian* yang bertugas menjaga ketenteraman kampung mula menarikan tarian *Sumanggak* semasa mengendalikan upacara *Muinsamung*. Sebagai perbandingan, persembahan *Sumanggak* yang berkait dengan ritual *Mengayau* juga dilakukan dalam persembahan *Lansaran* etnik Murut Tahol yang dikaji oleh Toh (2019).

Etnik Bajau juga mempunyai tarian ritual, contohnya tarian *Panangsang*. Persembahan tarian *Panangsang* dipengaruhi oleh legenda masyarakat Bajau Laut dan pengalaman spiritual adat dan kepercayaan masyarakat mereka yang merangkumi mantera, *kalang* (puisi tradisional) dan *tagunggu* (alat muzik yang dikenali zilofon dan diperbuat daripada kayu dan batang buluh) (Yeon Amsali *et al.*, 2017). Faktor-faktor ini dipercayai telah menjadi transisi perubahan dalam persembahan ini, sekali gus menjadikan tarian *Panangsang* untuk merangsang roh dan semangat halus. Tarian ini bertujuan untuk mengubati penyakit rohani. Tarian *Panangsang*, yang dalam keadaan menurun didapati penting untuk membantu *kalamat* (pakar upacara/bomoh atau dukun yang menjadi pelaku utama dalam mengendalikan sesuatu ritual) berhubung dan berkomunikasi dengan alam roh dalam upacara pengubatannya.

Jika diteliti, terdapat asal usul tarian yang tidak berkait dengan ritual. Dalam tulisan Ismail Abbas dan Shaong (1984), etnik peribumi Sabah yang telah memeluk agama Islam seperti etnik Bajau, Suluk, Brunei, Kadayan dan Irranun mempunyai tarian tradisional yang berbentuk hiburan dan bukannya ritual. Antara contoh tarian-tarian yang dimaksudkan ialah tarian *Limbai* dan *Runsai* etnik Bajau di Kota Belud, tarian *Daling-daling* etnik Suluk di Semporna dan tarian *Adai-Adai* etnik Brunei di Papar. Tarian *Limbai* ditarikan untuk menyambut pengantin lelaki yang sedang diarak ke rumah pengantin perempuan, ketika upacara ijab kabul akan diadakan dalam majlis perkahwinan etnik Bajau. Berdasarkan fungsi tarian ini, jelas bahawa asal usulnya tidak ada kaitan dengan sebarang ritual. Tarian *Runsai* pula berkait dengan aktiviti berbalas *kalang* (pantun) antara pelaut etnik Bajau pada suatu ketika dahulu. Dengan kata lain, asal usul tarian ini juga tidak ada kaitan dengan sebarang ritual.

Tarian *Daling-daling* etnik Suluk di Semporna turut didapati tidak berkait dengan ritual. Menurut Ismail Abbas dan Shaong (1984), judul tarian ini diambil daripada perkataan Inggeris 'darling' yang bererti kekasih. Dalam kajian Ismail Abbas (1988) pula, dilaporkan bahawa tarian *Daling-daling* berasal daripada penjajah Sepanyol. Tarian ini yang diperkenalkan oleh orang Sepanyol ketika Filipina dijajah oleh mereka. Dengan kata lain, tarian *Daling-daling* berasal

daripada penjajahan Sepanyol di Filipina. Orang Bajau di Semporna yang mempunyai perhubungan perdagangan dengan orang Filipina mempelajari tarian *Daling-daling* daripada mereka.

Namun begitu, kajian Kulas¹ (2001) yang berdasarkan sebuah legenda² bahawa tarian *Daling-daling* adalah berasal daripada orang tempatan, iaitu Bajau Laut sendiri. Pada pendapat pengkaji, kedua-dua pengkaji ini mempunyai alasan mereka tersendiri tentang asal usul tarian *Daling-daling*. Dapatan kajian Ismail Abbas dan Shaong (1984) yang mengatakan asal usul tarian *Daling-daling* berasal dari Filipina ada kebenarannya disebabkan tarian *Pangalay* Filipina mirip kepada tarian *Daling-daling* orang Bajau Semporna. Jika diteiliti, ragam gerak tangan dan kaki tarian *Pangalay* dan *Daling-daling* adalah hampir sama. Penari *Pangalay* dan penari tarian *daling-daling* memakai *janggalay*, yang menyerupai kuku burung yang panjang. Pergerakan kedua-dua tarian ini juga mirip kepada gaya burung yang sedang terbang di awan. Berbanding tarian *Pangalay*, pergerakan tarian *Daling-daling* agak laju sedikit, seiring dengan iringan muzik *daling-daling* yang rancak. Besar kemungkinan, pada hari-hari terkemudian orang Bajau di Semporna menukarkan namanya kepada *daling-daling* kerana lagu iringannya bermula dengan kata “*daling-daling*” (*darling-darling*), yang bermaksud kekasih. Sementara itu, dapatan kajian Kulas (2001) juga ada kebenarannya disebabkan ragam gerak tangan penari *daling-daling* mirip kepada burung yang terbang serta mereka memakai *janggalay*, yang menyerupai kuku burung yang panjang.

Ismail Abbas (1998) melaporkan bahawa tarian ini dipersembahkan ketika majlis sukaria seperti majlis kahwin, pertunangan, berkhatan, khatam Quran dan sambutan hari raya. Tujuannya adalah untuk bersuka ria dan memeriahkan lagi majlis. Namun daripada hasil kajian Ismail Abbas dan Shaong (1984) dan Ismail Abbas (1998), dapat disimpulkan bahawa tarian *daling-daling* ini merupakan tarian tradisional masyarakat Bajau dan Suluk di Sabah. Pada mulanya, tarian ini dipersembahkan kepada pembesar dan akhirnya bukan sahaja berkembang dalam kalangan etnik Bajau dan Suluk, malah turut berkembang dalam kalangan etnik lain di sekitar Semporna (Ismail Abbas & Shaong, 1984; Ismail Abbas, 1988).

¹ Menurut Kulas (2001), asal usul tarian *Daling-daling* ini dikatakan bermula di negeri kayangan yang terdapat tujuh orang puteri. Mereka berhasrat ingin turun ke bumi. Ketujuh-tujuh orang puteri ini akhirnya turun ke bumi tanpa pengetahuan bonda dan ayahanda mereka. Setelah sampai ke bumi, puteri-puteri itu tadi begitu asyik dengan keindahan di dunia dan mengakibatkan mereka ini lupa untuk kembali ke kayangan. Kehilangan mereka ini disedari oleh raja, yakni ayahanda mereka. Raja murka akibat perbuatan puteri-puterinya tadi yang turun ke bumi tanpa pengetahuan baginda. Raja yang begitu murka, akhirnya menyumpah para puterinya yang berada di bumi ini menjadi burung helang (ada yang mengatakan burung *Linggisan*, iaitu burung yang terbang tinggi di lautan). Oleh itu, penari *daling-daling* memakai *janggalay* (kuku panjang) yang dipercayai merupakan kuku burung helang.

Selain asal usul tarian yang berkait dengan ritual dan bukan ritual, ramai pengkaji juga mendapati asal usul tarian berkait rapat dengan pergerakan binatang dan burung sebagaimana yang dikaji oleh Sach (1963) seperti tarian ayam gunung, burung bangau, kera betina, angsa dan kijang. Terdapat banyak tarian tradisional di Asia didapati berdasarkan perilaku haiwan seperti angsa dan kijang. Orang Jawa di Indonesia mempunyai tarian Kijang, tarian Burung Cendrawasih, tarian Kupu-kupu (Ni Ketut Dewi Yulianti *et al.*, 2014), orang Melayu di Johor, Malaysia mempunyai tarian Kuda Kepang dan etnik Iban di Sarawak memiliki tarian *Ngajat* (burung kenyalang).

Dalam konteks tarian tradisional di Sabah, beberapa kajian telah mendapati banyak tarian etnik peribumi di Sabah yang memperoleh ilham daripada pergerakan burung seperti ragam gerak tarian *Sumazau* Penampang yang menyerupai burung layang-layang (Noor Aini Dani, 1999), ragam gerak tarian *Pinakang* etnik Kimaragang yang menyerupai helang (Pangayan, 2012) dan ragam gerak kaki berinsut-insut dalam tarian *Sumazau Paina* etnik Kadazan di Membakut, yang menyerupai burung helang (Sri Ningsih & Low, 2013). Selain itu, pengkaji-pengkaji mendapati terdapat tiga jenis asal usul tarian di Sabah, iaitu tarian yang berasal daripada ritual, tarian yang tidak berkait dengan ritual dan tarian yang dipengaruhi oleh budaya luar. Etnik peribumi di Sabah yang mengamalkan kepercayaan tradisional seperti etnik Dusun Lotud, Dusun Ranau, Rungus, Kadazan dan banyak lagi, asal usul tariannya berkait dengan ritual. Bagi etnik peribumi yang sudah menganut agama Islam seperti etnik Bajau, Irranun, Kadayan, Suluk dan Brunei, asal usul tarian mereka didapati tidak berkait dengan ritual.

Dalam kajian Pangayan *et al.* (2016), asal usul tarian *Pinakang* didapati diilhamkan daripada tiga ekor burung helang yang sedang terbang di udara semasa proses *mamakang* (membuat kain *pinakang*) sedang dijalankan oleh sekumpulan etnik Kimaragang pada masa dahulu. Bagi etnik Kimaragang, burung helang melambangkan ketangkasan dan keberanian *randawi do royo'on* (pahlawan) ketika memburu dan menyerang musuh. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan helang yang gagah telah dijadikan lambang tarian *Pinakang*, yang menunjukkan kegagahan pahlawan etnik ini.

Seperkara menarik yang ditemui dalam kajian perpustakaan pengkaji adalah ditemui tarian-tarian tradisional Sabah yang berasal daripada permainan tradisional. Perkataan permainan berasal daripada kata dasar 'main' (Mohd Akmal, 2016; Suhaimi Magi, 2018). Menurut Euis Kumiaty (2016), permainan tradisional merupakan aktiviti yang diwarisi secara turun-temurun sehingga kini. Permainan merupakan suatu aktiviti bermain yang mempunyai aturan yang jelas

dan kerjasama antara pemain (Euis Kumiati, 2016). Menurut pengkaji ini lagi, permainan tradisional dapat memberi kegembiraan kepada kanak-kanak. Beliau juga mencatatkan bahawa permainan adalah sesuatu yang universal kerana permainan yang muncul di sesuatu daerah mungkin juga muncul di daerah lain. Pengkaji ini yakin bahawa bermain dapat memberi manfaat bagi perkembangan fizikal dan mental seseorang.

Suhaimi Magi (2018) dalam kajiannya telah mencatatkan bahawa permainan tradisional merupakan sebahagian kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Keseragaman dalam kehidupan harian pada zaman dahulu telah membolehkan mereka untuk bekerja dan berhibur pada masa yang sama. Apabila musim menuai padi berakhir, mereka akan mengadakan keramaian dan pesta dalam masa tempoh peralihan antara musim. Apabila sesebuah kampung mengadakan sesuatu pesta permainan, penduduk kampung yang berdekatan akan turut berkunjung untuk melibatkan diri ataupun sekadar memberi semangat. Suasana pesta tersebut mewujudkan interaksi sosial dan mengeratkan hubungan penduduk kampung. Oleh itu, permainan tradisional juga disebut sebagai permainan rakyat. Permainan tradisional juga dikategorikan dalam permainan sosial kerana memerlukan lebih daripada satu orang (Dra. Iswinarti, 2017).

Tarian Magunatip kepunyaan etnik Murut di Tenom sebagai contoh pada asalnya ialah sejenis permainan petani yang berehat untuk menghiburkan diri (Suhaimi Magi, 2018). Menurut Suhaimi Magi (2018), pada peringkat awal etnik Murut menggunakan dua batang kayu belian sebagai satu permainan selepas mereka menumbuk padi. Sewaktu mereka beristirahat, salah seorang daripada petani yang duduk di atas lesung meletakkan dua batang alu penumbuk di atas lantai. Apabila salah seorang petani berjalan melintasi alu yang terletak di lantai, petani yang duduk di atas lesung pun menolak batang alu dengan kakinya agar alu tersebut menyepit kaki kawannya. Secara spontan kawannya mengangkat kakinya dan mentertawakan kawannya yang gagal menyepit kakinya (Suhaimi Magi, 2018). Demikianlah permainan untuk menghiburkan diri yang pada akhirnya dijadikan ragam gerak tarian Magunatip yang ada pada hari ini.

Selain tarian Magunatip, asal usul persembahan Lansaran turut dikaitkan dengan sejenis permainan, walaupun Lansaran juga dipersembahkan dalam ritual sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini. Hal ini disebabkan terdapat beberapa penggiat seni yang mengatakan bahawa persembahan Lansaran ialah salah satu jenis permainan tradisional etnik Murut Tahol (Toh, 2020). Menurut Toh (2020), *lansaran* pada asalnya ialah sejenis permainan tradisional etnik Murut Tahol. Informan Toh (2020) memberitahunya bahawa pada zaman dahulu, terdapat

kanak-kanak kampung yang suka melompat-lompat di atas permukaan kayu yang telah ditebang dan terbiar di luar rumah panjang. Demi keselamatan kanak-kanak, orang tua-tua berfikir untuk membina satu tempat permainan enjutan tersebut dalam rumah panjang mereka. Semasa berenjut-enjut di permukaan tempat khas itu, sejenis rentak bunyi dihasilkan. Orang tua-tua tersebut mula mendendangkan nyanyian mengikut irama hasil daripada hentakan di permukaan kayu tersebut. Lama-kelamaan, permainan berenjut-enjut di atas papan ini telah diubah suai menjadi tarian Lansaran (Toh Min Min, 2020). Jelas bahawa persembahan Lansaran pada hari ini berasal daripada sejenis permainan kanak-kanak.

KESIMPULAN

Dalam sorotan literatur terhadap asal usul tarian tradisional di luar Sabah dan di Sabah ini, pertama penulis telah melaporkan segala aspek asal usul tarian tradisional di luar Sabah. Di di luar Sabah, sorotan literatur ini mendapati terdapat dua jenis asal usul tarian tradisional sahaja. Pertama, tarian tradisional yang berasal daripada ritual. Kedua, tarian tradisional yang berasal daripada pergerakan binatang. Kedua-dua jenis tarian ini ditarikan di kebanyakan negara di seluruh dunia, sebagaimana yang telah dipaparkan di bahagian awal.

Berdasarkan soroton kajian lepas terhadap tarian-tarian tradisional di Sabah pula, terdapat tiga jenis asal usul yang telah dikenal pasti, iaitu tarian-tarian tradisional yang berasal daripada ritual, pergerakan binatang dan permainan. Hal ini berbeza dengan dapatan kajian pengkaji untuk tarian-tarian tradisional di tempat lain, yang setakat kajian perpustakaan yang dijalankan oleh penulis hanya terhad kepada dua jenis asal usul sahaja, iaitu ritual dan pergerakan binatang. Namun, penulis berpendapat bahawa tidak mungkin tiada satu pun daripada tarian tradisional di tempat lain yang berasal daripada permainan. Hal ini merupakan satu limitasi setakat sorotan kajian yang dilakukan ini.

RUJUKAN

- Adshead-Landsale & Layson. (1994). *Dance history: An introduction*. London: New York: Routledge.
- Azhar Ishak. (2017). Comparative study of graphene nanoparticle and multiwall carbon nanotube filled epoxy nanocomposites based on mechanical, thermal and dielectric properties. *Jurnal Composites Part B: Engineering*, 119, 57–66.
- Annisa Fitriani. (2020). *Tarian Burung Enggang*. Dilayari daripada <http://annisafitriani09.blogspot.com>.

- Cass, J. (1993). *Dancing through history*. America: Paperback.
- Cheng Jia Min, Low Kok On & Ismail Ibrahim. (2016). Lambang Ragam Gerak dan Fungsi Tarian Sumanggak dalam Ritual Etnik Tombonuo di Daerah Pitas, Sabah. *Proceedings International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*: 57-61. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Dayu Sansalu. (2014). Persamaan dan perbezaan sebutan dan makna dalam pelbagai dialek bahasa Kadazandusun. *Elsevier Procedia*, 134, 446–453.
- Djamari. (1996). *I Botoh Lara dan burung Curik*. Jakarta: Department Pendidikan dan Kebudayaan.
- Eldridge, A. Classical Dances of India. In *Britannica Encyclopedia*. Dilayari daripada www.britannica.com/list/6-classical-dances-of-india pada 09 September 2020.
- Fatmawati Nur Rohmah dan Veronica Eny Iryanti. (2015). *Nilai estetis pertunjukan kesenian sintren Asih Budaya di desa Sidareja Kabupaten Cilacap*. Tesis Sarjana Muda (Tidak diterbitkan). Universitas Negeri Semarang, Semarang.
- FX Widaryanto. (2007). *Antropologi tari*. Bandung: Sunan Ambu PRESS STSI.
- Hanafi Hussin. (2003). Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang, Sabah. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 8.
- Holt, C. (1967). *Art in Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Ismail Abbas & Shaong, Charles. (1984). *Tarian-tarian tradisional Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Ismail Ibrahim & Humin Jusilin. (2009). Tombonuo Alias Sungai: Catatan hubungan amalan adat semasa kematian dan gerak Sumanggak. Dlm. Low Kok On & Inon Shahrudin A.R (Pynt.). *Isu-isu Sastera dan Budaya* (hlm.77–84). Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Ismaily Bungsu. (1995). *Warna Budaya*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah, Malaysia.
- Isna Rizkiana Sismiazizah & I Dewa Alit Dwija Putra. (2016). Perancangan Buku Cerita Kesenian.
- Iswinarti. (2016). Nilai-nilai problem solving permainan tradisional Engklek. *Jurnal Seminar Nasional dan Gelar Produk*.
- Jimmy Kulas. (2001). *Tarian Daling-daling Bajau-Suluk satu kajian kes di Pulau Gaya Sabah*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Karami, M., Alimon, A.R, Sazili, A.Q, Goh, Y.M., & Ivan, M. (2011). The effects of intramuscular and intraperitoneal injections of Benzo (a) Pyrene on selected biomarkers in *Clarias Gariepinus*. *Journal: Ecotoxicology and Environmental Safety*.
- Kurniati, Euis. (2016.) *Permainan tradisional dan perannya dalam mengembangkan keterampilan sosial anak*. Jakarta: Prenadamedia Group.
- Low Kok On. (2006). *Reading symbols and mythical landscape in the “Tambunan Dusun origin myth” of north Borneo*. *IJAPS*, 2 (2). Univesiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Low Kok On. (2013). Collecting and contextualizing Sundait (Riddles) among the Rungus people of Sabah. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 21(3), 911–936.
- Low Kok On & Lee Yok Fee. (2012). Investigating the relationship between Kadazandusun beliefs about paddy spirits, riddling in harvest-time and paddy-related Sundait. *MALIM (Southeast Asia Journal of General Studies)*, 13, 65–93.

- Low Kok On & Sanen Marshall. (2013). Paganism, animism or polytheism? An investigation into the labeling and categorisation of traditional belief system of the Kadazandusun. *The Sarawak Museum Journal*, 71(92), 1–40.
- Low Kok On & Sri Ningsih. (2009). Sejarah dan fungsi tarian Sumazau etnik Kadazan di Penampang, Sabah. Dlm. Low Kok On, Inon Shaharuddin & Esterlina Lazarus (Pnyt.). *Isu-isu Sastera dan Budaya* (hlm. 115–122). Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Low Kok On & Sri Ningsih. (2013). Pandangan dunia dan konteks upacara dalam Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut. *Jurnal Akademika*, 83 (2&3), 47–59.
- Mamik Suharti. (2013). Tari ritual dan kekuatan adikodrati. *Panggung*, 23 (4).
- Mohd Ghouse Nasuruddin. (1984). *Asas-asas muzik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- _____. (1989). *Muzik Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghazali Abdullah. (2009). Mak Yong dalam bentuk teater: Meneliti aspek pengarahan Anak Raja Gondang oleh Norzizi. *Jurnal Melayu*, 111–125.
- Mohd. Hasan Bisri. (2007). Perkembangan tari ritual menuju tari Pseudoritual di Surakarta. *Harmonia Jurnal Pengetahuan dan Pemikiran Seni*.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2009). *Mabuk mistikal: Semiotik metafizik dalam Kuda Kepang mabuk*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Moh. Syazuwan bin Jemaan. (2017). *Kuda Kepang Mabuk: Suatu tinjauan psikoanalisis*. Kuching: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Akmal bin Mat Salleh, Humin Jusilin, Hj. Baharuddin Bahar Arus. (2016). *Permainan tradisi bakuit masyarakat Dusun Tatana*. Kota Kinabalu: Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Musnin Misdi. (2013). Budaya tari Bubu Mangalai-media konvensional dan pembentukan tari masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah. *Journal Teniat International Journal of Creative Future and Heritage*.
- Ni Ketut Dewi Yulianti, Rinto Widyarto & Ni Ketut Yuliasih. (2014). *Jurnal Segara Widya*, 2 (1).
- Noor Aina Dani. (1999). *Sumazau: Antara dongeng, makna dan pemikiran*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia.
- Pangayan, V. (2014). *Tarian Pinakang etnik Kimaragang: Konteks persembahan dan rekaan kostum*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Peterson, R. (1997). *Creating country music: Fabricating authenticity*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Redzahuddin bin Duman. (2018). Analisis struktur dan fungsi tarian Sumayau di dalam ritual Mangahau etnik Lotud di daerah Tuaran. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan dan Folklor Nusantara*, hlm. 325–329. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ria Hariyani. (2017). *Seni Tari Jaranan sebagai media dakwah kultural di desa Varia Agung Kecamatan Semutih Mataram Lampung Tengah*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universitas Raden Intan Lampung, Lampung.

- Rochman, Achwan. (2009). Civic organisations and governance reform in Indonesian Cities. *Asian Journal of Social Science*, 37. Brill, 799–820.
- Roslina Abu Bakar. (2014). Tarian Kuda Kepang: Animisme dalam kesenian masyarakat Jawa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, 30–41.
- Sachs, C. (1937 [1963]). *World history of the dance*. New York: W.W. Norton & Company, Inc.
- Siti Zainon Ismail. (1980). Tarian tradisional: Satu pengenalan ringkas. Kuala Lumpur: Dewan Budaya, 2 Oktober: 9.
- Suhaimi Magi. (2018). *Tarian Magunatip etnik Murut Nabai dan Paluan: Dari permainan tradisional ke persembahan pentas kini*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Sumiati & Lasmary. (2018). Konstruksi pesan tari “Kecak” pada masyarakat Badung, Bali. *Journal.ubm.ac.id*, 4(1), 75–94.
- Tang Sook Kuan. (2012). *Implication for dance movement therapy*. Tesis sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Toh Min Min. (2020). *Lansaran etnik Murut Tahol: Analisis aspek permainan tradisional persembahan ritual dan sekular*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Turner, C. (1957). The status of health education, national and international. *The Journal of School Health*, 27(5).
- Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali, Sharifuddin Zainal, Humin Jusilin & Mestrah Lauk. (2017). Persembahan tarian panangsang dalam ritual penyembuhan masyarakat Bajau Laut. *Jurnal Gendang Alam*, 7, 73–96.

